

LITERASI MAKLUMAT MUDAH

Shah Ridha Bin Abdul Jalil
Guru Perpustakaan Dan Media
Smk Seri Pulai Perdana
Kulai, Johor
Email: lowprofile155@gmail.com

Abstrak : Literasi Maklumat adalah salah satu cabang yang perlu ada dalam pengurusan pusat sumber sekolah-sekolah. Literasi Maklumat adalah proses yang memerlukan seseorang untuk menentu, mencari, menggunakannya. Terpulang kepada kreativiti Guru Perpustakaan dan Media (GPM) untuk melaksanakannya di dalam program aktiviti atau pertandingan. Mesti dimulakan di dalam perpustakaan dahulu untuk warga PSS, kemudian untuk guru-guru, tertutup untuk warga sekolah serta terbuka. Literasi Maklumat juga perlu dimasukkan didalam rancangan pengajaran harian GPM atau semasa menjadi guru ganti matapelajaran (Relief). Literasi maklumat mudah ini bermula dengan membaca, merujuk, mencari jawapan dan menyelesaikannya. Literasi maklumat perlu dipermudahkan dan mesra pengguna kerana Guru Perpustakaan dan media sangat unik berhadapan dengan murid seawal 6 tahun (pra –sekolah) sehinggalah Pra-U (19 tahun) dan jika diambil kira umur guru pula adalah diantara 25 hingga 60 tahun. Unik kedua sentiasa berhadapan dengan mereka 8 hingga 10 jam 5 hari dalam seminggu. Oleh yang demikian pendekatan saya untuk Literasi Maklumat ini adalah menganjurkan aktiviti dan program secara santai tetapi sampai. Tidak guna Literasi Maklumat di sediakan aras tinggi dan terlalu mengikut buku tetapi hanya 1-2 orang sahaja yang faham dan berminat untuk menyiapkannya. Perkongsian melalui pengalaman yang pernah mengurus dan terbukti berjaya bukan teori yang sedap laporan dibaca tetapi kadang-kadang tidak pernah melaksanakannya.

Kata Kunci : literasi maklumat, guru perpustakaan dan media (GPM)


Pendahuluan

Literasi maklumat adalah salah satu perkara penting dalam pengurusan Pusat Sumber Sekolah-sekolah. Pertama Pengawas Pusat Sumber, Kedua NILAM, ketiga Galakkan Membaca dan yang ke-empat Literasi maklumat. Ini menunjukkan BSTP KPM memandang serius pelaksanaan Literasi Maklumat. Literasi Maklumat Mudah ini telah saya bukti perlaksanaannya. Lebih baik setiap program Literasi maklumat Mudah perlu diselitkan dengan penyampaian cenderahati, makan dan minum serta 'task' yang perlu diselesaikan.

1 Kajian Literatur

Literasi Maklumat diolah mengikut kreativiti GPMnya sendiri untuk menjalankan Literasi Maklumat tersebut. Perkataan Literasi Maklumat juga akan menyebabkan murid atau guru tidak ingin mengetahuinya. Oleh itu pendekatan dan aktiviti yang santai dan sesuai lebih mendekatkan dan minat mereka terhadap literasi maklumat. Begitu juga dengan permulaan program atau aktiviti perlu diuji kesesuaiannya dengan warga pusat sumber sendiri (Guru pss dan Pengawas pusat sumber). Kajian saya menunjukkan ramai GPM tidak kreatif untuk mencipta dan melaksanakan Literasi maklumat kerana terikat dengan pendekatan teori yang biasa. Mereka hanya menunggu perkongsian atau contoh untuk ditiru.

Untuk melaksanakan Literasi Maklumat Mudah ini, pertama kita mesti mencuba dengan warga pusat sumber sendiri iaitu guru pss dan pengawas ps. Setiap program perlu ada refleksinya untuk mengetahui kelebihan atau kelemahan program tersebut.



Langkah-langkah untuk melaksanakan Literasi Maklumat Mudah

2 Perbincangan

Literasi Maklumat Mudah perlu perancangan dan perbincangan yang teliti dengan warga pusat sumber sendiri termasuk JK tetinggi PPS tingkatan 5 sebelum dilaksanakan bagi memastikan berjalan lancar. Semua program Literasi Maklumat mestilah konsisten dan ditunggu-tunggu oleh sesiapa sahaja yang telah menyertainya. Tetapi perlu diingat bahasa semua perlu ada refleksinya sama ada perlu dtersukan, diubahsuai atau dibatalkan dimasa akan datang. Contoh yang pernah dilaksanakan adalah Literasi Maklumat di dalam PSS, drcara maya di Portal PSS, Kursus LM untuk semua guru sekolah, Eksplorasi bersama keluarga sekolah yang memastikan semua menyiapkan ‘task’ LM, Mengadakan LM semmasa pameran Dubia Dinosaurs, Dunia Hobi, Dunia Pahlawan di PSS, mengajurkan LM untuk semua murid yang hadir ke Bazar Buku Johor. LM semasa mana-mana lawatan PSS dan pelbagai lagi. Semuanya dirancang dan diurus oleh Pengawas Pusat Sumber kami sepenuhnya.

3 Kesimpulan

Mulakan dengan yang mudah dan menyeronokkan. Refleksi itu penting untuk menyedarkan sesuatu yang kita sampaikan di fahami atau tidak sampai ke hati. Bagi saya, ‘pengkritik’ yang hebat dan jujur adalah pengunjung PSS sendiri iaitu murid dan warga sekolah sendiri bukan orang luar.

Rujukan

Norhayati Razali, Firdaus Press, (2015) *Kemahiran LITERASI MAKLUMAT untuk Guru Perpustakaan & Media*.

